

Wacana Humanisme Pada Abad Pertengahan

[The Discourse Of Humanism In The Middle Ages]

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 132-141
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 18 February 2022
Accepted: 23 February 2022
Published: 18 March 2022

Siti Jalilah Ahmad¹ & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria¹

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
Email: p97797@siswa.ukm.edu.my; aufaa@ukm.edu.my

* Corresponding Author: aufaa@ukm.edu.my

Abstrak

Kemunculan pelbagai isme-isme yang mencorak pemikiran manusia pada hari ini dibentuk oleh tamadun Barat sejak abad pertengahan yang lalu. Konsep humanisme menjunjung tinggi nilai dan kedudukan manusia serta menjadikannya sebagai asas utama kepada semua perkara. Jika diteliti kepada perkembangan awal intelektual masyarakat di Eropah tidak dapat disangkal lagi aliran humanisme merupakan induk kepada kelahiran aliran-aliran pemikiran yang lain. Perkembangan falsafah awal Barat ini sentiasa dibincangkan dan dikaji oleh para sarjana dalam merungkai kepelbagaian idealisme yang mencorak tamadun manusia pada hari ini. Oleh yang demikian, kewajaran untuk mengkaji konsep humanisme dan isu-isu yang timbul harus diberi perhatian untuk memahami kompleksiti perkembangan falsafah dan pengaplikasiannya dalam kehidupan. Objektif kajian ini adalah untuk mengupas kemunculan fahaman humanisme serta perkembangan yang berlaku pada kurun ke-15 hingga ke-19. Kajian ini berdasarkan metode kualitatif yang menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis kandungan. Hasil daripada kajian ini mendapati konsep humanisme pada peringkat awalnya masih mempunyai keterikatan yang erat pada agama. Namun setelah berkembangnya kegiatan ilmu pengetahuan dan kemajuan bidang sains melahirkan masyarakat yang lantang menyuarakan idea sehingga cuba memisahkan agama daripada urusan kehidupan. Pada peringkat akhirnya berlaku perpisahan mutlak dengan menolak dogma agama dan kewujudan Tuhan. Kesan daripada proses yang berlaku turut memberi impak kepada umat Islam yang terpengaruh dengan ideologi-ideologi ciptaan Barat dari sudut akidah dan keimanan mereka.

Kata kunci: Humanisme, falsafah barat, abad pertengahan.

Abstract

The emergence of various ideologies that construct human's thought today has been shaped by Western civilization since the last middle age. The concept of humanism upholds human values and position makes them the main foundation of all things. If we observe at the early intellectual development of society in Europe, it is undeniable that humanism is a catalyst for the other schools of thought. The development of early Western philosophy is constantly discussed and studied by scholars in unraveling the diversity of idealisms that shape human civilization today. Therefore, the appropriateness of studying the concept of humanism and the issues that arise should be given attention to understand the complexity of the development of philosophy and its application in life. The objective of this study is to examine the emergence of humanism and the development that took place in the 15th to 19th century. This study is based on the qualitative method that uses data collection and content analysis methods. The results of this study found that the concept of humanism in its early stages still has a close attachment to religion. However, after the development of scientific activities and the progress of science, a society that are too vocal in expressing their ideas consequently trying to separate religion from the affairs of life. At the final stage there is an absolute separation by rejecting the dogma of religion and the existence of God. The impact of the process

also had been affecting on Muslims who was influenced by the ideologies created by the West in terms of their beliefs and faith.

Keywords: Humanism, western philosophy, middle age

Cite This Article:

Siti Jalilah Ahmad1 & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2022. Wacana humanisme pada Abad Pertengahan [The discourse of humanism in the Middle Ages]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 132-141.

Pengenalan

Kemunculan aliran humanisme telah bermula di Eropah pada seawal abad ke-14. Perpindahan tamadun Barat daripada zaman pertengahan yang mundur atau dikenali juga sebagai zaman gelap kepada zaman Renaissance telah melahirkan masyarakat baharu yang progresif terhadap perkembangan ilmu. Kemasukan teks-teks daripada tamadun Yunani-Rom Kuno yang telah diterjemahkan ke dalam pelbagai Bahasa seperti Arab dan Latin membuka ruang kepada masyarakat Barat untuk meneroka ilmu-ilmu baharu seperti falsafah, sains, seni dan ilmu kenegaraan. Penciptaan mesin cetak yang pertama di Eropah juga menyumbang kepada penyebaran idea-idea dan gagasan pemikiran baharu yang mewarnai tamadun Barat pada ketika itu. Kesan daripada kerancakan perkembangan ilmu yang menjadi cahaya penyelamat manusia daripada golongan gereja yang semakin menindas masyarakat melahirkan gerakan humanisme (Abdul Rahman 1987) (Anom 2017).

Konsep Humanisme

Istilah ‘*humanism*’ mula diperkenalkan pada tahun 1808 oleh seorang pensyarah di German, F. J. Niethammer, untuk membezakan program pengajian yang bersifat kejuruteraan dan saintifik dengan program aliran sastera. Perkataan *human* berasal daripada Bahasa Latin iaitu ‘*humus*’ yang bererti tanah atau bumi. Daripada perkataan ini munculnya istilah ‘*homo*’ yang membawa maksud manusia dan ‘*humanus*’ yang bererti manusawi. Setelah itu dikembangkan lagi menjadi ‘*humilis*’ yang bermaksud kesederhanaan atau kerendahan hati (Sumasno Hadi 2012: 110). Menurut Copson, A (2015), istilah humanisme yang dipersetujui oleh kebanyakan organisasi kemanusiaan secara konsepnya ialah:

Humanism is a democratic and ethical life stance, which affirms that human beings have the right and responsibility to give meaning and shape to their own lives. It stands for the building of a more humane society through an ethic based on human and other natural values in the spirit of reason and free inquiry through human capabilities. It is not theistic, and it does not accept supernatural views of reality.

Hal ini bertepatan dengan apa yang disebut oleh A.J Blackham bahawa humanisme ialah suatu konsep pemikiran yang memberikan kebebasan serta rasa kebertanggungjawaban untuk manusia menentukan corak dan kehidupan tanpa terikat dengan agama (Abdul Rahman 1987).

Aliran humanisme tidak mempercayai perkara ghaib dan unsur-unsur tayahul yang tidak dikira rasional oleh akal manusia seperti kehidupan setelah mati, syurga dan neraka. Bagi mereka, kehidupan manusia hanyalah untuk hidup di dunia realiti yang didiami kini. Kecenderungan para pendukung humanisme dalam membicarakan soal masa depan bukanlah bermaksud untuk mengejar syurga di langit ketujuh, tetapi bagi memastikan kesinambungan kehidupan terjamin untuk generasi akan datang (Corliss, L. 1997). Oleh itu dapat difahami tujuan utama daripada idea-idea yang dibawa oleh humanisme adalah untuk merujuk manusia sebagai suatu entiti yang sempurna (Simon, B.Z. 2018).

Perkembangan Humanisme Abad Pertengahan

Kemunculan humanisme amat sinonim dengan kebangkitan masyarakat Eropah abad Renaissance pada kurun ke-15. Gerakan ini muncul sebagai respons terhadap korupsi yang dilakukan oleh golongan agamawan dan gereja dengan mengeksplorasi sistem kehidupan umumnya untuk kepentingan tertentu. Kebangkitan humanisme membawa obor semangat untuk membebaskan kehidupan manusia daripada sebarang kongkongan dan kawalan oleh agama. Menurut Corliss, L (1997), masyarakat pada abad ini meletakkan simbol manusia yang ideal atau dikenali sebagai ‘*Renaissance man*’ kepada individu yang berjaya menyebarkan kebahagiaan serta memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam segenap aspek kehidupan. Kejayaan gagasan Humanisme juga menyemarakkan revolusi ilmu pengetahuan tamadun Barat yang pada ketika itu sedang bangkit daripada zaman kegelapan dan kemunduran. Moran, J. (2018:96-97) menyatakan golongan *humanist* (*umanista*) adalah merujuk kepada para intelektual yang mendalami dan menguasai ilmu-ilmu seperti ilmu sejarah, tatabahasa, kesusasteraan klasik, falsafah moral dan sebagainya. Bidang pengajian ini disebut sebagai *studia humanitatis* (*the ‘Humanities’*), atau lebih dikenali di dalam Bahasa Perancis sebagai *haec nostra studia*. Mereka juga menjadi tenaga pengajar dan sebagai penggerak utama yang menghidupkan semangat Renaissance (Abdul Rahman 2016). Ketamadunan ilmu di Barat telah merubah kiblat utama daripada teosentris kepada antroposentris. Manusia diberikan kuasa untuk meletakkan akal sebagai sumber yang berautoriti dalam semua bidang ilmu. Hal ini telah membuka dua aliran baharu di dalam menentukan metode epistemologi iaitu Rasionalisme dan Empirisisme (Mohammed Yusoff 2002).

Kajian yang dilakukan oleh Sumasno Hadi (2012) menunjukkan bahawa sistem kebudayaan yang dibangunkan pada zaman Romawi Kuno telah meletakkan manusia sebagai objek yang difokuskan untuk mencapai *euidaimonia* iaitu kebahagiaan. Kaedah yang digunakan adalah melalui proses pendidikan atau lebih dikenali sebagai *enkyklia paideia*. Matlamat utama daripada proses ini adalah untuk melahirkan manusia yang beradab. Wacana falsafah yang berlaku pada peringkat awal tamadun Yunani bermain seputar persoalan tentang alam dan kosmologi. Hal ini dapat dilihat melalui falsafah-falsafah yang di asaskan oleh Thales hingga Anaximenes. Setelah itu perkembangan diskusi falsafah telah beralih kepada makhluk mikrokosmos di alam ini iaitu manusia bermula daripada Heraclitus, bersambung kepada Socrates, Plato dan Aristotle.

Perkembangan Humanisme pada abad pertengahan telah bermula di Itali pada abad ke-14 oleh Francesco Petrarca (1304–1374). Beliau amat gemar mempelajari karya-karya klasik

dari pada tamadun Rom dan Yunani Kuno yang dilihat sangat indah sehingga mencetuskan inspirasi kepada beliau untuk menjadikannya sebagai rujukan bagi membaiki masalah moral masyarakat Barat. Semangat humanisme pada ketika ini bukanlah bertujuan untuk menentang agama Kristian sebaliknya untuk menguatkan lagi ajaran agama Kristian agar manusia kembali merujuk kepada *Bible* sebagai panduan yang benar (Witt, R 2012:700) (Moran, J 2018:98). Witt, R (2012:700) menyatakan Lovato de' Lovati (1240–1309) dan Albertino Mussato (1261–1329) merupakan antara individu yang terawal sebelum Petrarca menggunakan sumber dari pada tamadun Yunani Kuno untuk mengkaji cara membentuk masyarakat yang digunakan pada ketika itu. Humanisme dikembangkan lagi oleh tokoh-tokoh seperti Erasmus of Rotterdam (1466-1536), Picco della Mirandola (1463-1494), Leonardo da Vinci (1452-1591) serta Thomas More (1478-1535) pada abad ke-15. Pengaruh humanisme dapat dilihat dalam segenap aspek seperti pendidikan, falsafah, teknologi dan seni. Contohnya di dalam bidang teologi, Erasmus melalui karya beliau *In Praise of Folly* dengan beraninya mengecam penderaan yang dilakukan oleh pihak gereja. Selain itu pelbagai karya seni seperti lukisan dan ukiran pada bangunan yang bermotifkan sifat-sifat asli manusia (*human nature*) seperti lukisan yang bertajuk Mona Lisa oleh Leonardo da Vinci. Di dalam bidang politik pula, tokoh Humanisme yang terkenal ialah Niccolo Machiavelli (1469-1527). Melalui buku beliau yang bertajuk *The Prince*, beliau menyatakan pandangannya tentang bagaimana pengurusan pentadbiran yang baik untuk sesbuah negara. (Fry, P.S. 1994:176-178). Beliau juga membawa gagasan baharu iaitu “*the ends justifies the means*” atau bermaksud untuk memperoleh sesuatu matlamat menghalalkan segala cara yang digunakan. Slogan ini membenarkan setiap tindakan yang akan dilakukan oleh walaupun secara kasar serta menyalahi etika dan moral. Namun gagasan yang diasaskan oleh beliau ini hanya disyorkan untuk dilaksanakan kepada negara-negara yang rakyatnya mengamalkan perbuatan rasuah sahaja (Abdul Rahman 1987). Menurut Mohammed Yusoff (2002), pembentukan falsafah kemanusiaan ini telah melahirkan ahli intelektual yang bersifat agresif dan individualistik. Mereka bebas melontarkan idea dan pandangan yang difikirkan benar pada pandangan mereka dengan berani tanpa memikirkan tentang dosa dan pahala.

Seterusnya bermula pada abad ke-17 membawa kepada kemuncak evolusi keilmuan di Eropah. Sudah pasti konsep humanisme turut memainkan peranan dalam mencorak epistemologi yang terbentuk di abad *Enlightenment* ini. John Locke merupakan seorang tokoh berfahaman liberal dan juga pengasas kepada aliran emperisisme. Emperisisme meletakkan pengalaman pancaindera manusia yang mencetuskan perasaan dan keyakinan untuk mencapai kebenaran. Rene Descartes pula mengasaskan aliran rasionalisme yang meyakini kebenaran dapat dicapai melalui peranan akal manusia (Mohammed Yusoff 2002). Setelah itu muncul pula fahaman idealisme yang diasaskan oleh Immanuel Kant. Falsafah idealisme dilihat sebagai jambatan pengharmonian kepada rasionalisme dan emperisisme. Menurut Kant melalui karyanya *Critique of Pure Reason*, ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh manusia diperoleh merupakan gabungan daripada proses yang berlaku di antara deria rasa dan logik akal. Melalui deria manusia membentuk pengalaman terhadap sesuatu objek yang mencetuskan akal supaya berfikir dan memahaminya (Kenny, A 2016 :278). Bagi Mohammed Yusoff (2002), perkembangan falsafah epistemologi yang berlaku menunjukkan pemfokusan pengkajian unsur dalaman seperti jiwa dan akal manusia menjadi tumpuan oleh tokoh-tokoh intelektual abad ini.

Peringkat seterusnya membawa kepada perbincangan berkenaan falsafah moral dan etika. Fasa ini memperlihatkan perkembangan wacana bukan hanya berfokus pada diri manusia malah dalam konteks yang lebih luas melibatkan aspek falsafah. Falsafah moral yang diasaskan oleh Kant di dalam karyanya *Groundwork of the Metaphysics of Morals*. Menurut beliau kebaikan tidak diukur kepada benda dan keadaan yang berlaku di sekeliling tetapi kebaikan ialah keinginan berbuat baik dalam diri manusia itu sendiri (Islah Gusmian. 2014). Keinginan itu juga dianggap baik apabila ia memenuhi tugasan yang harus dilakukan dengan sempurna walaupun dalam keadaan susah atau senang. Cara untuk mengukur sesuatu kehendak itu baik atau tidak apabila prinsip-prinsip yang menentukan kehendak dipanggil sebagai *maxim* itu bersifat universal maka ia dianggap bermoral. Kehendak yang bersifat universal bermaksud jika seseorang mengalami kesusahan dalam melaksanakan tugasannya, dia menyelesaikan masalah tersebut walau payah namun tidak memberi kesan buruk kepada orang lain (Kenny, A 2016). Selain itu falsafah moral juga turut dibicarakan oleh fahaman utilitarianisme. Falsafah utilitarianisme meletakkan faedah (*utility*) yang diperoleh kepada si pelaku sebagai nilai sesuatu perbuatan. Menggunakan slogan “*The Utilitarian happiness of the greatest number*”, fahaman utilitarianisme menetapkan jika sesuatu perbuatan memberikan banyak sesuatu perbuatan memberikan banyak keseronokan maka perbuatan itu dianggap baik. Manakala jika sesuatu perbuatan mendatangkan kesusahan maka perbuatan tersebut dianggap buruk. Antara tokoh yang terkenal menganut aliran utilitarianisme ialah Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873). Corak pemikiran Mill dilihat lebih bersifat individualistik apabila beliau mengelaskan perbuatan kepada dua bahagian. Yang pertama ialah “*self-regarding action*” iaitu segala perbuatan yang hanya melibatkan diri individu seperti makan, minum, beragama, dan berbelanja, maka perbuatan tersebut tidak berhak untuk ditegah kerana tidak memberi mudarat kepada orang lain. Yang kedua ialah “*other-regarding action*” seperti perbuatan merompak, membunuh dan sebarang perbuatan yang melibatkan orang lain maka berhak untuk disekat oleh masyarakat (Abdul Rahman 2016:167-168).

Setelah cubaan untuk memisahkan kehidupan manusia daripada pengaruh agama, muncul pula kumpulan yang ingin menolak sepenuhnya agama dan kewujudan Tuhan. Abad ke-19 menyaksikan munculnya kumpulan *atheism* yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan di kalangan tokoh-tokoh humanisme. Ketika ilmu sains mencapai klimaks sehingga disebut sebagai *The Golden Age of Science*, dunia digemparkan dengan suatu teori baharu penciptaan manusia. Teori yang diasaskan oleh Charles Darwin (1809-1882) bukan sahaja menolak teori-teori penciptaan manusia seperti teori emanasi bahkan jugak menafikan penciptaan Adam sebagai manusia yang pertama diciptakan mengikut kepercayaan agama (Abdul Rahman 1986:51-52). Darwin mengatakan bahawa manusia sebenarnya berasal daripada sejenis haiwan iaitu mawas-manusia. kewujudan manusia yang dikenali sebagai *homo sapiens* pada hari ini merupakan hasil daripada evolusi makhluk purba kala yang berusia jutaan tahun yang lalu (Rizantama Ade Nughara 2018).

Friedrich Nietzsche (1844-1900) menyatakan kepercayaan kepada tuhan merupakan sikap yang lemah dalam mencari kebenaran yang hakiki. Dengan pergantungan kepada tuhan tidak menggambarkan kemahuan yang jelas dan kuat untuk bertahan apabila menghadapi ujian dan rintangan. Bagi Nietzsche, dengan kematian tuhan maka hilanglah sandaran untuk memohon keselamatan daripada sebarang pergantungan dan terpulang kepada manusia itu sendiri untuk menentukan takdirnya. Itulah maksud daripada slogan yang diucapkan oleh beliau

bahawa “tuhan sudah mati dan kitalah yang membunuhnya”. Melalui buku beliau yang bertajuk *The Antichrist* beliau memberikan kritikan terhadap agama Kristian yang menjadi penyebab kepada kemunduran di Eropah. Menurut beliau nilai-nilai yang diajarkan di dalam agam Kristian menyebabkan sifat kehebatan dalam diri manusia menjadi terbantut. Hal ini membuatkan manusia tidak mampu mencapai tahap *Übermensch* (*The Superman*) iaitu manusia yang hebat melampaui batas manusia biasa jika terikat dengan agama (Kamal Azmi et al 2014:369). Seterusnya tokoh sosialis dan juga pelopor aliran komunisme iaitu Karl Marx (1818-1883) menyatakan bahawa manusia sebenarnya adalah sama. Kewujudan manusia bersifat kolektif dan semua manusia bertaraf makhluk sosial. Fahaman sosialisme yang diasaskan oleh beliau menetapkan bahawa kemajuan sesebuah masyarakat berlaku hanya apabila tiada lagi pemilikan harta secara individu. Menurut Marx, agama merupakan *opium* iaitu candu yang menghalang manusia daripada mempunyai perikemanusiaan kerana menjadikan manusia terus berharap kepada kuasa luar biasa ketika menghadapi kesengsaraan (Kamal Azmi et al 2014:369-370).

Kesan Humanisme dalam Konteks Semasa

Mohd Farid (2008) menyatakan, sejak dua kurun yang lalu, ahli sarjana Islam telah mula bergelut untuk menentukan hubungan Islam dan kemodenan di Barat. Isu-isu seperti Islam dan Sekularisme, *al-asalah wa al-mu'asirah*, islah dan tajdid, kesemuanya merupakan di antara wacana yang muncul sebagai benteng pertahanan kepada umat Islam untuk mempertahankan tradisi menghadapi arus kemodenan. Kemunculan ideologi-ideologi radikal seperti sekularisme dan pluralisme tidak dapat dinafikan berakar umbi daripada *human-center* yang telah berjaya menjatuhkan doktrin agama tunduk kepada kehendak dan perkembangan manusia (Wan Fariza 2021) (Mohammad Arifin T.th). Kepelbagai pengaruh pemikiran daripada Barat telah mencuba untuk merubah tradisi Islam sedia ada dan menjadi penyakit yang membarah di dalam masyarakat.

Liberalisme dan humanisme bergerak seiring dalam mencapai matlamat yang sama iaitu untuk memberi kebebasan kepada manusia. Ideologi yang dibawa oleh golongan liberalisme bukan sekadar untuk memberi kebebasan mutlak kepada manusia, malah menyentuh aspek politik dan sosial sesebuah negara (Muhammad Atiullah & Sulaiman Dorloh 2021). Hal ini dapat dilihat daripada peristiwa pembebasan kedaulatan negara daripada sistem monarki yang berjaya menggulingkan institusi diraja serta gereja sebagai kuasa tertinggi pentadbiran negara. England menjadi negara pertama yang menggunakan sistem demokrasi berparlimen setelah tercetusnya Perang Saudara pada tahun 1642M. setelah itu pada abad ke-18 Amerika Syarikat mencapai kemerdekaan daripada jajahan British melalui Revolusi Amerika Syarikat pada tahun 1776M. Kemuncak kepada perjuangan humanisme adalah pada tahun 1789M apabila berlakunya Revolusi Perancis dengan tertubuhnya Pengisytiharan Hak-Hak Manusia dan Warganegara kepada semua peringkat masyarakat (Ahmad Yumni & Mohd Fairuz 2014:2-3). Kebebasan yang diperjuangkan oleh aliran liberalisme ini menjadi senjata utama oleh Barat dalam mengekalkan hegemoni kepada umat Islam bukan sekadar dari sudut fizikal malah melalui serangan pemikiran atau *ghazwah al-Fikri* (Mohd Aizam 2015) (Mohammad Kamil 2012).

Gerakan emansipasi wanita atau *Women's Liberation* ialah satu aliran yang memperjuangkan hak-hak kaum wanita yang ditindas. Gerakan ini mula diperjuangkan oleh sekumpulan aktivis wanita di Barat. Aliran ini bukan sahaja didukung oleh kaum wanita malah turut diperjuangkan oleh lelaki yang menuntut persamaan hak diberikan kepada wanita. Keadaan ini boleh dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan seperti *A Vindication of The Rights of Women* (1792) oleh Mary Wollstonecraft, *Subjection of Women* (1869) oleh J.S. Mill, *A Doll's House* (1879) oleh Henrik Ibsen dan buku-buku oleh William Thompson yang menuntut agar wanita diberikan hak dalam semua bidang (Abdul Rahman 2016: 181). Gerakan ini juga lebih dikenali dengan istilah feminism. Aliran feminism Muslim merupakan gerakan yang mendukung tafsiran *hermeneutik* terhadap al-Quran. Usaha yang dilakukan adalah bertujuan membela nasib kaum wanita Muslim daripada terus dikongkong oleh tradisi agama dan untuk membuktikan bahawa agama Islam sebagai agama yang adil kepada lelaki maupun wanita (Kaloi Abdul Rehman. t.th).

Pentafsiran al-Quran secara hermeneutik merupakan salah satu penyakit yang telah berjaya dipasangkan oleh gerakan liberalisme terhadap umat Islam. Ismail (2012:77) menyatakan perkataan *Hermeneutik* berasal daripada Bahasa Yunani *Hermes* iaitu seorang dewa di langit bersama dengan manusia berada di bumi. 'Hermes' juga merupakan utusan para dewa di langit membawa mesej kepada manusia. Perkataan ini menghasilkan '*hermenuein*', '*hermeneis*' dan '*hermeneute*'. *Hermenuein* bermaksud mentafsir atau menterjemah sesuatu, *hermeneis* pula adalah pentafsiran dan *hermeneutes* merujuk kepada pentafsir (Mazlan & Achmad 2010: 39) (Nik Zeenat & Indriaty 2021:218). Oleh hal yang demikian, feminism telah meletakkan tafsiran hermeneutik sebagai suatu disiplin ilmu dalam mentafsirkan al-Qur'an menurut perspektif wanita (Barbato 2017:17). Bagi mereka, kaedah hermeneutik terhadap al-Qur'an merupakan metodologi yang sama dengan 'ulum al-tafsir yang dikembangkan oleh para ulama terdahulu. Gerakan yang dilakukan oleh golongan feminis Muslim dalam mentafsirkan semula ayat-ayat al-Qur'an kepada tafsiran yang mesra gender merupakan racun yang merbahaya kepada pemikiran umat Islam dalam memahami ayat al- Quran. Kesannya bukan sahaja penyelewengan dalam memahami al-Quran bebas malah sehingga berani untuk mempertikai kesucian kalam Allah al-Qadim (Nik Zeenat & Indriaty 2021).

Seterusnya ideologi yang diperjuangkan oleh golongan liberal membawa kepada munculnya aliran relativisme. Relativisme merupakan falsafah yang merujuk kepada etika, budaya dan pandangan alam (*worldview*). Relativisme menyarankan bahawa setiap pandangan berkaitan tiga perkara ini adalah *relative* iaitu tertakluk kepada konteks sesuatu masyarakat dan budaya. Betul atau salah dan baik atau buruk tidak tertakluk kepada suatu ciri umum sebaliknya tertakluk kepada konteks individu atau keadaan ketika itu (Mircea 1987). Relativisme turut mempengaruhi pemikiran ahli teologi dalam mencari titik persamaan antara agama untuk mengelakkan pertelingkahan pada awalnya tetapi berpenghujung dengan menyatakan semua agama adalah benar. Hanya manifestasi daripada bentuk setiap kepercayaan yang berbeza untuk mencapai matlamat yang sama (Jaafary Awang 2007). Pluralisme agama atau juga disebut dengan *Transcendent Unity of Religions* membawa dua gagasan utama iaitu semua agama adalah benar dan semua agama memberikan keselamatan kepada kehidupan manusia (Mohd Aizam 2015). Persidangan antara agama, juga dikenali sebagai "World Parliament of Religions" telah dilakukan sebanyak dua kali pada tahun 1893 dan 1993. Pada pertemuan kali kedua, persidangan telah mengeluarkan resolusi yang bertajuk *Global Ethics* (Jaafary Awang

2007:131-132). Antara rumusan daripada dokumen ini adalah umat manusia akan hidup bersama dalam keadaan yang selamat jika wujudnya sebuah etika global tanpa perlu kepada sebuah agama. Hal ini amat bertentangan dengan apa yang telah difirmankan oleh Allah di dalam al-Quran al-Karim: Maksudnya: “Sesungguhnya agama (yang benar dan direlai) di sisi Allah ialah Islam.” (Surah Ali ‘Imran, 2: 19)

Imam Ibnu Kathir di dalam perbincangan tafsirannya menyatakan bahawa tidak ada agama yang diterima dari seseorang di sisi-Nya selain Islam, iaitu mengikuti para Rasul yang diutus oleh Allah SWT di setiap masa, hingga diakhiri dengan Nabi Muhammad SAW yang membawa agama yang menutup semua jalan lain kecuali hanya jalan yang ditempuhnya. Oleh kerana itu, barang siapa yang menghadap kepada Allah SWT, iaitu sesudah Nabi Muhammad SAW diutus dengan membawa agama yang bukan syariatnya, maka hal itu tidak diterima oleh Allah (Kamarul Azmi 2021:7). Menurut Jaafary Awang, (2007) terdapat 5 aspek yang dapat dikritik daripada fahaman pluralisme ini. Yang pertama ialah kaedah yang digunakan dalam mengenal dan menentukan hakikat agama. Seterusnya keraguan yang timbul berdasarkan kefahamannya yang bersifat relatif. Yang ketiga kefahaman manusia terhadap realiti dipengaruhi oleh persekitaran. Selain itu penolakan terhadap konsep objektif realiti dan yang terakhir kekeliruan dalam memahami maksud kemajmukan agama. Menurut Mohammad Ariffin (t.th), wadah yang dibawa oleh aliran pluralisme agama sudah berfokus kepada negara bukan lagi sekadar individu. Jika negara seperti Malaysia menerima konsep ini maka kedudukan dan kesucian Islam di dalam perlembagaan tidak akan dapat dipertahankan lagi. Oleh itu perlunya pemerkasaan pembangunan epistemologi terhadap manhaj ahli Sunnah Waljamaah yang tulen kepada seluruh lapisan masyarakat dan pengkajian yang mendalam terhadap epistemologi Islam semasa untuk menyaring sebarang unsur-unsur yang menyesatkan (Wan Fariza Alyati 2021).

Kesimpulan

Pengaruh daripada ideologi yang dibawa oleh Barat jelas membuktikan perjuangan mereka untuk membebaskan ikatan diri daripada naungan agama. Bagi tamadun Barat, kejayaan mereka memperoleh ilmu saintifik membebaskan mereka daripada terowong kegelapan yang terpaksa dilalui di bawah penguasaan gereja sebelum ini. Namun iktibar yang kita peroleh daripada peristiwa ini menunjukkan ilmu tanpa panduan wahyu hanya membawa manusia kepada kesesatan. Apabila segalanya hanya bertuhankan akal dan keinginan manusia, maka natijah yang terhasil hanyalah untuk memuaskan apa yang terlihat di pandangan mata tanpa mengira nilai-nilai yang terkandung di sebaliknya.

Oleh itu wajib bagi kita untuk mempersiapkan diri dengan ilmu yang sahih dan kefahaman yang jelas dalam menghadapi perperangan pemikiran pada abad ini. Keperluan kepada ilmu-ilmu fardu ain seperti ilmu Akidah dan Syariah sentiasa relevan untuk diperkembangkan dalam memahami konteks keadaan semasa yang sentiasa berubah mengikut arus kemodenan dunia. Ilmu inilah yang akan menjadi akar kepada umat Islam untuk berpegang teguh kepada *Aqidah Islamiyyah* dan syariat yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. 1987. *Pemikiran Islam Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 2016. *Wacana Falsafah Barat: Tinjauan Dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Ahmad Yumni & Mohd Fairuz. 2014. *Menjawab Islam Liberal Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sisters in Islam (Sis)*. Selangor: PTS Islamika sdn.bhd.
- Copson, A. 2015. What Is Humanism? Dlm *The Wiley Blackwell Handbook of Humanism*. Edisi Pertama. New York: John Wiley&Sons Ltd.
- Eliade, M. 1987. *the Encyclopedia of Religion*. New York: Macmillan Publication.
- From The Renaissance to England's Golden Age. 2017. Core Knowledge Foundation. https://www.coreknowledge.org/wp-content/uploads/2017/08/CKHG_G5_B1_RenaissanceAge_SR.pdf [16 Januari 2022].
- Fry, P.S. 1998. *The Dorling Kindersley History Of The World*. Revised Edition. London: Dorling Kindersley Limited.
- Islah Gusmian. 2014. Filsafat Moral Immanuel Kant Suatu Tinjauan Paradigmatik. Dlm *Jurnal Pemikiran Islam Dan Filsafat Al-A'raf XI* (2).
- Ismail Yusof. 2012. Hermeneutika dan Hubungannya Dengan Pemikiran Islam Liberal. Dlm. *Islam Liberal: Isu dan Reaksi*. Hlm. 76-79. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Kaloi Abdul Rehman. t.th. Islamic Liberation Theology: Qur'anic Hermeneutics for the Challenges of the Modern Age. *Islam And Civilisational Renewal*: 66-81
- Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd Nasir Omar. 2014. 065 Manusia Dalam Wacana Pemikiran Moden Di Barat. *Presented International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)* KL, 17 – 18 November.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2021. Hanya Islam Agama yang Diredai Allah SWT: Surah Ali 'Imran (3: 18-25). Program Budaya al-Quran Mingguan Siri 59 di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 8hb Januari 2021.
- Kenny, A. 2006. *An Illustrated Brief History of Western Philosophy*. Australia: Blackwell Publishing Ltd.
- Lamont, C. 1997. *The Philosophy of Humanism*. Eight Edition. New York: Humanist Press.
- Mazlan Ibrahim & Achmad Yaman. 2010. *Penyelewengan Tafsir al-Qur'an: Kritikan Terhadap Buku Fiqih Lintas Agama*. Bangi: Penerbit UKM
- Mohammad Ariffin. T.th. *Cabaran Akidah: Pemikiran Islam Liberal*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Malaysia.
- Mohammad Kamil Ab Majid et al. 2012. *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme & Konservatisme Di Malaysia*. Ampang: Pekan Ilmu Publications.
- Mohammed Yusoff Hussain. 2002. *Pengenalan Kepada Falsafah Barat Moden*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Mohd Aizam. 2015. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Islam Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Malaysia.
- Moran, J. 2018. The R/renaissance(s), Humanists and Classics. *The Journal of Classics Teaching* 19 (38): 96-98.

- Muhammad Atiullah & Sulaiman Dorloh. 2021. Ciri-Ciri Islam Liberal dan Liberalisme. *Journal of Islamic Studies, Prince of Songkla University* 12 (1).
- Nik Zeenat Shabana Azhar & Indriaty Ismail. 2021. Hermeneutik: Tafsiran Alaf Baharu Feminisme Muslim Dalam Menangani Permasalahan Gender. Dlm *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4 (3).
- Rizantama Ade Nughara. 2018. Asal-Usul Manusia Menurut Teori Evolusi Charles Darwin Perspektif Pendidikan Islam. Tesis Sarjana Pendidikan (S. Pd) dalam Ilmu Tarbiyah. Universiti Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia.
- Simon, B.Z. 2018. The Story of Humanity and The Challenge of Posthumanity. *Journal History of Human Sciences*. 1-20.
- Sumasno Hadi. 2012. Konsep Humanisme Yunani Kuno Dan Perkembangannya Dalam Sejarah Pemikiran Fisafat. *Jurnal Filsafat* 22 (2).
- Wan Fariza Alyati. 2021. Islam Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah: Kontradiksi Aliran Islam Era Pascamoden. Dlm Zul'azmi Yaakob (pytg) *Naratif Usuluddin Dan Falsafah*, hlm: 39-47. Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, UKM Bangi.
- Witt, R. 2012. Francesco Petrarca and the Parameters of Historical Research. *Journal Religions* (3) :699–709.